

**SISTEM PENGURUSAN PENYELENGGARAAN
BANGUNAN INSTITUT KEMAHIRAN MARA**

Disediakan oleh:


**NIK SHARIFULLAH BIN NIK KOB
98197437**

Di Bawah Penyeliaan:

EN. MAHAYUDIN BIN MAHMOOD


**Satu dissertation yang disediakan sebagai memenuhi
Sebahagian dari syarat untuk penganugerahan
Sarjana Muda Ukur Bangunan (Kepujian)**

Tandatangan Penulis



**NIK SHARIFULLAH BIN NIK KOB
IJAZAH SARJANA MUDA (KEPUJIAN)
UKUR BANGUNAN**

Disahkan Oleh



**EN. MAHAYUDIN BIN MAHMOOD
JABATAN UKUR BANGUNAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM**

Penghargaan

Alhamdulilah, setinggi-tinggi syukur kehadrat Allah S.W.T diatas izin dan kurniaNya kerana memberi kekuatan dan petunjuk kepada saya untuk menyiapkan disertasi ini.

Terima kasih yang tidak terhingga saya ingin ucapan kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam membantu saya, terutama kepada Encik Mahayudin bin Mahmood selaku penyelia yang sentiasa meluangkan waktu untuk memberi bimbingan dan pandangan serta semangat.

Terima kasih juga saya ucapan kepada Encik Mohd Fisol bin Zain, Ketua Kursus Jabatan Ukur Bangunan, Fakulti Senibina Perancang dan Ukur dan pensyarah-pensyarah di Jabatan ini yang telah banyak memberi sokongan dan kerjasama sepanjang pengajian saya disini.

Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan kepada pengajian saya, MARA di atas peluang yang telah diberikan dalam meningkatkan ilmu dan kerjaya untuk saya terus memberi sumbangan kepada anak bangsa.

Akhir sekali ucapan terima kasih ini saya tujukan kepada mereka yang telah banyak memberi kerjasama dalam penyiapan disertasi ini;

- *Pn.Hajjah Rosminah binti Mohd Hussin, Pengetua IKM K.Lumpur serta seluruh anggota oraganisasi.*
- *Tuan Hj. Malik bin Bidin, Pengetua Sg.Petani serta seluruh anggota organisasi.*
- *Encik Ismail bin Shahadan, Pengetua IKM Beseri serta seluruh anggota organisasi.*
- *Tuan Hj.Hasan Nudin bin Yeop, Pengetua IKM Lumut serta seluruh anggota organisasi.*
- *Bahagian Kemahiran, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan dan Bahagian Perkhidmatan dan Perjawatan, Ibu Pejabat MARA Kuala Lumpur.*
- *Kakitangan perpustakaan UiTM Shah Alam*
- *Pengurus Penyelenggaraan, TECHART Sdn.Bhd.*
- *Rakan-rakan sekuliah.*

Abstrak

Kerja penyelenggaraan bangunan-bangunan institusi pengajian memerlukan pengurusan tenaga kerja yang cekap. Sifat kerja penyelenggaraan bangunan yang berbagai-bagai dengan jumlah pekerja yang tidak seimbang akan menyebabkan kerja tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Bagi sesebuah institusi pengajian yang berorientasikan latihan vokasional seperti Institut Kemahiran MARA (IKM) di seluruh Malaysia yang mana mempunyai berbagai kemudahan khususnya bangunan dan kelengkapan adalah perlu ianya diurus dengan sebaik mungkin bagi menjamin kemudahan yang disediakan dapat berfungsi dengan baik untuk jangkamasa yang panjang. Bangunan-bangunan tersebut jika tidak diselenggara dengan sempurna akan rosak sebelum waktunya dan menjelaskan proses latihan yang berasaskan kemahiran teknikal ini.

Bangunan ini adalah tergolong dalam bangunan awam milik kerajaan yang dikatakan tidak diselenggara dengan sempurna. Objektif utama kajian ini ialah untuk mendedahkan serta memberi gambaran yang sebenar mengenai perlaksanaan penyelenggaraan yang diamalkan oleh pihak pengurusan IKM. Penekanan adalah ditumpukan dari aspek gunatenaga pekerja yang terlibat secara langsung dalam aktiviti penyelenggaraan iaitu pihak pengurusan sebagai perancang dan pekerja am sebagai pelaksana.

Satu kajian dibuat bagi melihat adakah benar bangunan milik awam ini tidak diselenggara atau sistem penyelenggaraannya tidak berkesan. Jika keadaan ini benar, maka suatu pendekatan yang sesuai perlu diambil oleh pihak Pengurusan MARA bagi menjamin proses latihan kemahiran ini tidak terganggu dan merugikan kepada kedua belah pihak; MARA sebagai pemilik dan pelatih IKM sebagai pengguna.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Institut Kemahiran MARA (IKM) merupakan antara institusi-institusi latihan vokasional milik Majlis Amanah Rakyat (MARA) bagi tujuan latihan kemahiran teknikal yang terdapat di negara ini.

IKM mula ditubuhkan pada tahun 1968 dan sekarang ini terdapat 11 buah pusat latihan di seluruh Malaysia. Penubuhan IKM oleh MARA bagi memenuhi keperluan negara dalam pengeluaran sumber manusia (khususnya kaum bumiputra) yang terlatih selaras dengan kemajuan pesat pembangunan berbagai industri dalam negara.

Terdapat 31 jenis kursus yang ditawarkan pada peringkat sijil dan diploma dengan tempoh latihan antara 18 bulan hingga 30 bulan dimana setiap IKM mengendalikan purata antara 4 hingga 14 jenis kursus. (*rujuk lampiran A*)

Sebagaimana institusi-institusi latihan vokasional yang lain, institut kemahiran ini dilengkapi dengan berbagai kemudahan dari segi infrastruktur, program latihan, peralatan dan mesin bagi tujuan latihan untuk para pelatih yang begitu ramai pada satu-satu masa.